

06/10/2002

Tuah daripada Bajet 2003

Datuk Yusof Haslam

SEPERKARA yang sungguh mengharukan perasaan saya apabila pemimpin besar kita Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih bekerja kuat dan terus membuat perancangan untuk pembangunan walaupun kuasanya akan berakhir pada penghujung 2003. Nyatalah yang penting buatnya bukan peribadi diri tetapi nasib bangsa dan negaranya yang mesti terus dibela.

Di perjalanan kuasanya yang menuju ke pengakhiran itu Dr Mahathir masih membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat atas kapasitinya sebagai Menteri Kewangan. Bajet itu yang dahulunya dikenali sebagai belanjawan telah disambut baik oleh semua peringkat masyarakat dan dari pelbagai sektor. Ia satu bajet yang mengambil kira kepentingan majoriti rakyat Malaysia.

Saya sendiri yang bergerak dalam sektor perfileman berasa lega dengan Bajet 2003 itu walaupun tidak ada pendekatan yang khusus untuk sektor perfileman dan juga hiburan. Tetapi yang pentingnya bajet itu bakal mewujudkan suasana ekonomi yang memberangsangkan secara keseluruhannya. Secara tidak langsung sektor perfileman dapat menumpang tuah dengan wujudnya iklim ekonomi negara yang baik. Saya percaya dengan adanya suasana ini kuasa beli rakyat akan bertambah dan memberi kesan positif kepada semua sektor perniagaan.

Perniagaan perfileman di negara kita yang turun naiknya sukar dijangka sangat memerlukan suasana ekonomi yang stabil. Hiburan dari bidang perfileman bukanlah menjadi keutamaan rakyat dalam kehidupan. Ia hanyalah sampingan saja daripada kepentingan lain yang lebih utama seperti pendidikan, sosial dan sebagainya. Walau bagaimanapun setiap manusia pasti memerlukan hiburan (walau sedikit) untuk mencari ketenangan dan merehatkan fikiran.

Saya percaya ada yang kurang setuju apabila saya masukkan perfileman ke dalam kategori hiburan. Tetapi saya yakin sektor perfileman lebih menjurus kepada bidang hiburan selain peranannya menyampaikan mesej pada masyarakat. Kerana besarnya nilai perdagangan atau ekonomi pada bidang perfileman maka suasana ekonomi yang baik mempunyai kesan besar ke atas perkembangan dunia perfileman kita.

Rasa saya peredaran masa pada alaf baru sekarang telah merubah landskap perfileman. Filem secara realiti bukan lagi medium yang semata-mata menjana minda manusia (penonton). Ia sudah lebih condong kepada pembangunan nilai-nilai yang mententeramkan perasaan, jiwa dan minda. Sementara di celah-celah nilai itu orang dapat pula mengutip sedikit sebanyak pengetahuan.

Tempat yang lebih relevan untuk orang memperkayakan minda ialah di ruang perpustakaan atau di rumah yang tidak ada gangguan orang sebelah kiri dan kanan. Menikmati ilmu daripada filem artistik atau filem-filem yang sarat dengan nilai pendidikan bukan tempatnya di pawagam yang kebanyakannya dipenuhi orang yang mencari ketenangan atau relaxation selepas dibelenggu pelbagai cabaran dan masalah hidup seharian.

Kerana itu filem yang pendekatannya lebih condong kepada elemen hiburan atau keceriaan lebih mudah mendapat sambutan dibandingkan filem berat yang bersifat mendidik dan mencabar minda. Dengan keadaan yang begitu nilai ekonomi menjadi faktor penting terhadap pembuatan sesebuah filem. Inilah fenomena biasa dalam industri filem di seluruh dunia yang tidak boleh ditolak. Namun kelahiran filem artistik dan mempunyai nilai seni yang tinggi harus juga diteruskan demi mengangkat imej filem tempatan.

Berbalik kepada Bajet 2003 saya tertarik sekali dengan pandangan Tan Sri

Abdullah Ahmad dalam ruangnya `ISU BERSAMA A A' dalam Berita Minggu keluaran 22 September lalu iaitu; Bajet 2003 jelas memperlihatkan keazaman kerajaan hendak melahirkan dan mengembangkan satu masyarakat penyayang, berpendidikan, sihat, makmur, aman dan seimbang dunia dan hari kemudian. Mana sebuah negara membangun hatta yang maju pun membelanjakan 27 peratus daripada bajetnya untuk pendidikan?

Perdana Menteri amat sedar knowledge is power - ilmu itu punca segala kuasa, pengetahuan itu lampu suluh. Kerajaan memperuntukkan hampir RM23 bilion iaitu RM14.294 bilion bagi pendidikan rendah dan menengah manakala RM8.685 bilion bagi pendidikan tinggi bagi membebaskan kita daripada kejahilan dan meningkatkan ilmu pengetahuan sesuai dengan tuntutan masa.

Di akhir tulisan AA berkata Bajet 2003 hebat, Menteri Kewangan juga istimewa. Apa yang ditunggu ialah kita menyahut cabaran ini dengan berani, jujur, bijak dan berimaginasi. Satu pandangan daripada AA yang saya rasa bernas dan harus direnungkan oleh semua lapisan masyarakat.

Bersyukurlah ke hadrat Allah SWT kerana negara kita masih dalam iklim yang sihat di mana rakyatnya boleh bekerja dan mencari rezeki tanpa digugat. Inilah hasil kebijaksanaan pemimpin kita yang memegang amanah rakyatnya sejak negara kita merdeka pada 1957.

Apa yang penting sekarang seluruh rakyat harus terus bersatu bagi memastikan negara kita terus cemerlang dan mencapai wawasan 2020. Semoga bumi tercinta kita akan terus dipelihara Allah SWT.